



جابتن کحاکیمن شرعیة ملیسیا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Department Of Syariah Judiciary Malaysia

Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PRA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300

Faks : 603-8870 9316

Portal Rasmi : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(47)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 9 TAHUN 2023

PENENTUAN BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH YANG MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN KES PENGESAHAN NIKAH TANPA KEBENARAN

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Penentuan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah yang Mendengar dan Memutuskan Kes Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran hendaklah didengar dan diputuskan di mahkamah yang berbidang kuasa pada masa kesalahan tersebut dilakukan sepetimana yang berikut:

- (a) Pengesahan nikah tanpa kebenaran bagi lelaki/ perempuan yang bermastautin di Malaysia, hendaklah didengar dan diputuskan di tempat lelaki/ perempuan itu bermastautin ketika pernikahan dilangsungkan.
- (b) Pengesahan nikah poligami tanpa kebenaran bagi lelaki yang bermastautin di Malaysia, hendaklah didengar dan diputuskan di tempat lelaki itu bermastautin ketika pernikahan dilangsungkan.

- (c) Pengesahan nikah tanpa kebenaran/ poligami tanpa kebenaran bagi lelaki yang tinggal/ bermastautin di Malaysia dengan perempuan yang tidak tinggal/ tidak bermastautin di Malaysia, hendaklah didengar dan diputuskan di tempat tinggal/ bermastautin lelaki ketika pernikahan/ poligami tersebut dilangsungkan.
- (d) Pengesahan nikah tanpa kebenaran/ poligami tanpa kebenaran bagi lelaki yang tidak tinggal/ tidak bermastautin di Malaysia dengan perempuan yang tinggal/ bermastautin di Malaysia hendaklah didengar dan diputuskan di tempat tinggal/ mastautin perempuan ketika pernikahan/ poligami tersebut dilangsungkan.
2. Arahan Amalan ini terpakai bagi kod kes baharu E-Syariah Versi 3 yang menggunakan kod 131 (Permohonan Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran di Luar Negara), kod 132 (Permohonan Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran di dalam Negara), kod 133 (Permohonan Pengesahan Nikah Poligami Tanpa Kebenaran di Luar Negara) dan kod 134 (Permohonan Pengesahan Nikah Poligami Tanpa Kebenaran di dalam Negara).

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

PUTRAJAYA